



**SIARAN MEDIA
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**LAWATAN KHAS KELUARGA KLIEN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI 2025/1446H**

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) akan membuka satu sesi lawatan khas untuk keluarga atau penjaga Klien AADK yang sedang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) di semua Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara.

Sesi lawatan keluarga ini bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidifitri 2025/1446H akan bermula pada:

- i. 7 April 2025 hingga 11 April 2025**
(Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Sabah, Sarawak)
- ii. 6 April 2025 hingga 10 April 2025**
(Kelantan, Terengganu, Kedah)

Lawatan ini bertujuan merapatkan hubungan antara klien dengan keluarga atau penjaga, mendapatkan sokongan moral dan emosi serta keluarga atau penjaga boleh melihat sendiri perkembangan kepulihan klien yang mengikuti program RPDI AADK.

Lawatan Khas Keluarga ini juga memberi ruang dan peluang antara keluarga atau penjaga dengan klien untuk bertemu mesra serta sebagai pendekatan terapeutik dalam menyokong kepulihan klien.

Sehubungan itu, AADK meminta semua keluarga atau penjaga yang ingin menyertai sesi Lawatan Khas Keluarga ini untuk menghubungi Pegawai Pemulihan di PUSPEN masing-masing menerusi panggilan telefon; mesej pesanan ringkas (SMS), pesanan aplikasi *WhatsApp*; surat atau *e-mel* kepada pegawai berkenaan.

Orang ramai juga boleh menghubungi PUSPEN berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan sesi Lawatan Khas Keluarga ini atau menghubungi Talian Hotline AADK di talian 1-800-22-AADK (2235) atau 019-626 2233 (*WhatsApp*) bagi mendapatkan khidmat nasihat atau aduan berkaitan permasalahan dadah.

-TAMAT-

**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KAJANG, SELANGOR, 24 MAC 2025**

E-mel: pro@aadk.gov.my

No. Tel: 03-8911 2424/2420/2564